

07/04/1997

BN, Pas temui formula kerjasama

Sut

DI PENKALAN Chepa, Kota Bharu Kelantan, satu-satunya negeri yang diperintah oleh parti pembangkang iaitu Pas, Menteri Besar, Datuk Nik Aziz Nik Mat, berserta lebih 5,000 rakyat Kelantan daripada pelbagai golongan menyambut ketibaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Di Kuala Lumpur pada hari yang sama hampir 1,600 orang termasuk 100 wanita berarak ke pintu masuk Universiti Malaya (UM) sebagai membantah penyertaan pasukan Israel dalam Kejohanan Trofi Majlis Kriket Antarabangsa (ICC) 1997 yang berlangsung di ibu negara.

Berikutan itu polis menahan 250 orang penyokong Pas yang sebahagian besarnya adalah pelajar beberapa institusi pengajian tinggi tempatan yang ikut dalam tunjuk perasaan itu. Sedikit kekecohan berlaku apabila penunjuk perasaan mengingkari perintah polis supaya bersurai kerana mengadakan perhimpunan secara haram.

Keadaan kemudiannya tenang apabila polis memasuki Masjid Ar-Rahman, tempat penunjuk perasaan berlindung dan menahan 250 orang termasuk Setiausaha Dewan Pemuda Pas Pusat, Mahfuz Omar.

Di Kota Bharu, Perdana Menteri berkata: "Kita bersikap pragmatik dan berpendapat apabila perlu berbuat sesuatu, jika perlu buat penyesuaian kepada pendekatan kita, ia akan dibuat. Memang Kerajaan Pusat selama ini bersikap pragmatik." Menurutnya kemungkinan Pas menyertai semula Barisan Nasional (BN) bukan perkara mustahil kerana parti itu pernah menjadi rakan komponen BN pada 1970-an. Sementara itu Nik Aziz mahu seluruh ahli Pas, terutama di peringkat bawahan mengamalkan sikap lebih sederhana dan tidak melampau bagi membolehkan kerjasama dan harmoni antara kerajaan negeri dan Pusat. Beliau bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri bahawa perbezaan fahaman politik tidak seharusnya mewujudkan permusuhan sehingga membawa kepada sikap melampau.

Mengenai tunjuk perasaan di Kuala Lumpur, Perdana Menteri menyifatkan tindakan sekumpulan penyokong Pas dan pelajar pusat pengajian tinggi tempatan sebagai tindakan yang bodoh. Katanya: "Kita hendak menunjukkan kepada orang Israel, orang Islam di negara ini berfikiran waras, tetapi dengan perbuatan itu (demonstrasi) segala tujuan dan hasrat kita tidak tercapai."

Semalam Menteri Pendidikan Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak dalam kenyataannya sewaktu di Pekan, Pahang berkata universiti akan mengambil tindakan ke atas pelajar yang terbabit dalam perhimpunan anti-Israel di depan pintu masuk Universiti Malaya kelmarin, termasuk kemungkinan di singkirkan.

Semalam juga Dr Mahathir Mohamad disambut oleh Sheikh Sabah al-Ahmad al-Sabah di Kuwait bagi membuka lembaran baru hubungan kedua-dua negara dalam pelbagai bidang, khususnya perdagangan. Peristiwa di atas secara positif memberi ruang dan membuka pintu kepada kemasukan Pas ke dalam BN. Jika kita boleh duduk semeja untuk bersama-sama berfikir dan bekerja bagi membangunkan bangsa dan negara dan tidak tuduh-menuduh antara satu sama lain, kenapa kita tidak mengambil kesempatan ini? Kenapa kita masih tidak mahu bersatu kerana penyatuan boleh mendatangkan hasil yang lebih baik dan keadaan rakyat akan menjadi lebih harmoni?

Jelas kini kepemimpinan atasan kelihatan sudah menemui formula untuk bekerjasama bagi membangunkan bangsa secara yang lebih segera. Tetapi jika peringkat rakyat bawahan tidak dapat membaiki dirinya sesuai dengan kepemimpinan atasan, harapan untuk mencapai kejayaan hanya tinggal

harapan.

Peristiwa di atas juga menggambarkan kita tidak mudah mengiktiraf orang kita sendiri, betapa besar pun jasa dan baktinya seseorang itu sebelum orang lain mengiktirafnya. Ramai orang, oleh kerana faham politik yang berbeza, amat sedikit sebenarnya tidak mahu mengiktiraf sumbangan besar Perdana Menteri terhadap Islam sebelum beliau menerima Anugerah Raja Al-Malik Faisal.

Berhubung demonstrasi pelajar, pada pandangan kita taktik demonstrasi masa kini sudah tidak relevan lagi, lebih-lebih lagi jika demonstrasi itu didalangi sesuatu parti politik. Cara lain yang lebih waras dan rasional serta bijaksana tentu masih boleh difikirkan supaya apapun tindakan kita menghasilkan natijah yang memberi manfaat kepada negara dan bangsa kita. Dengan bertindak secara rasional dan tidak mengikut emosi melulu tindakan kita tentulah tidak mendatangkan mudarat kepada kita. Seorang pelajar tentulah boleh berfikir secara waras bahawa harapan ibu bapa serta keluarga di kampung yang mengharap anaknyanya keluar daripada lingkaran kemiskinan melalui ilmu pengetahuan tentu tinggi. Sesungguhnya jika kita dapat memenuhi harapan ibu bapa di kampung pada hakikatnya kita berjaya membantu masyarakat dan negara serta bangsa untuk menjadi satu bangsa yang dihormati dan disegani dunia. Dalam waktu yang sama kita membantu membaiki diri sendiri supaya lebih waras dan rasional dalam segala tindakan kita terutama mengingatkan zaman kini yang jauh telah berubah.

Kini strategi kita dalam menghadapi sebarang keadaan dan suasana mestilah berubah. Hanya dengan begitu kita boleh mencapai matlamat kita. Setiap orang mempunyai tanggungjawab masing-masing. Tanggungjawab pelajar ialah belajar. Oleh demikian belajarlah sehingga mencapai kecemerlangan. Jangan ada unsur lain, apa lagi sebuah parti pembangkang mempengaruhi kita untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang yang kita ceburi.

(END)